



13 JAN, 2025

Isu kelewatan MyDigital ID, rundingan 5G akan disegerakan - Gobind

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Isu kelewatan MyDigital ID, rundingan 5G akan disegerakan - Gobind

IPOH – Isu kelewatan pelaksanaan dua inisiatif digital negara melibatkan MyDigital ID dan rangkaian 5G kedua akan dibawa dalam mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) pada 12 Februari depan.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo berkata, mesyuarat itu akan membantu mencari jalan penyelesaian segera terhadap isu berkenaan.

Menurutnya, memang berlaku beberapa masalah mengenai kelewatan inisiatif berkenaan yang turut melibatkan beberapa kementerian.

“Kami sedang berusaha menyelesaikannya dengan ia dan seperti yang saya katakan sebelumnya, ini adalah sesuatu yang kami fokuskan dan kami akan berusaha sebaik mungkin.

“Ini adalah sesuatu yang PM (Perdana Menteri) telah minta kami fokuskan. Kami sedang melakukan apa yang terbaik dan harapan kita untuk cuba menyelesaikannya secepat mungkin,” katanya selepas hadir ke Program Jelajah Malaysia Digital@Perak di sebuah hotel di sini pada Ahad.

Media sebelum ini melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kecewa dengan kelewatan beberapa projek transformasi termasuklah pelaksanaan MyDigital ID, rangkaian 5G kedua dan rundingan Digital Nasional Berhad (DNB) dengan syarikat telekomunikasi (telco).

Menurut Menteri Kewangan itu, pelaksanaan MyDigital ID terlambat selama setahun manakala rangkaian 5G kedua masih tertangguh kerana rundingan untuk projek itu tidak mendapat maklum balas positif daripada DNB dan syarikat telekomunikasi.

Perkara itu disuarakan Anwar sewaktu perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan yang diadakan di Putrajaya pada 5 Disember lalu.



13 JAN, 2025

Isu kelewatan MyDigital ID, rundingan 5G akan disegerakan - Gobind

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

IPOH – Isu kelewatan pelaksanaan dua inisiatif digital negara melibatkan MyDigital ID dan rangkaian 5G kedua akan dibawa dalam mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) pada 12 Februari depan. Menteri Digital, Gobind Singh Deo berkata, mesyuarat itu akan membantu mencari jalan penyelesaian segera terhadap isu berkenaan. Menurutnya, memang berlaku beberapa masalah mengenai kelewatan inisiatif berkenaan yang turut melibatkan beberapa kementerian.